



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

HOSPITAL MIRI SARAWAK DITAMBAH KAPASITI YANG LEBIH BESAR UNTUK PENDUDUK MIRI DAN WILAYAH UTARA SARAWAK

MIRI, SARAWAK - Hari ini telah berlangsung sesi penyerahan Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Miri, Sarawak kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku pemilik projek. Majlis Penyerahan ini telah disaksikan bersama oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia dan Pengurusan Tertinggi dari kedua-dua Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Kerja Raya.

2. Projek pembinaan bangunan tambahan ini merupakan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan Hospital Miri dalam memberi perkhidmatan perubatan kepada rakyat Malaysia Madani khususnya penduduk Miri dan sekitarnya. Peningkatan kapasiti hospital meliputi pertambahan bilangan katil yang membolehkan pertambahan kakitangan manakala peningkatan keupayaan pula meliputi pertambahan kepakaran perubatan dan perkhidmatan sokongan. Peningkatan ini begitu mendesak untuk menampung keperluan perubatan yang semakin meningkat bagi penduduk Miri dan Wilayah Utara Sarawak.

3. Bangunan tambahan ini direkabentuk dengan kapasiti dan keupayaan 328 katil, lengkap dengan Wad Kelas Pertama, Wad wanita, Wad lelaki, Wad kanak-kanak, Wad Obsterik, *Main Operation Theatre* (OT), *Maternity OT*, ICU, PICU, NICU, Unit Kecemasan, Bahagian Pengimejan, Klinik Doktor Pakar (Surgery, Paediatrics, Obstetrics and Gynecology), 900 tempat letak kenderaan, 300 tempat letak motosikal dan lain-lain kemudahan berkaitan.

4. Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi Bangunan Tambahan ini telah dikeluarkan pada 28 April 2024 oleh Pengarah Projek, Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), Jabatan Kerja Raya Malaysia yang dipertanggungjawabkan bagi mengawasi dan menyelia projek tersebut. Hasil penyerahan Bangunan Tambahan pada hari ini akan membolehkan pihak KKM dan Hospital Miri untuk menempatkan dan melakukan pengujian semua peralatan perubatan yang diperlukan sebelum memulakan operasi secara rasmi yang akan dimaklumkan oleh pihak Hospital Miri kelak.

5. Projek bernilai RM289.2 juta ini telah dilaksanakan oleh kontraktor Riaplus Sdn. Bhd. Menggunakan kaedah Reka dan Bina. Teknologi *Industrialised Building System* (IBS) turut diaplikasikan dalam projek ini untuk komponen struktur seperti *Autoclaved Aerated Concrete*, *precast beam* dan *precast slab*. Tarikh Milik Tapak projek ini adalah pada 25 Jun 2020 dan projek ini telah disiapkan lebih awal daripada yang dijadualkan.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah memberikan kepercayaan serta kerjasama kepada pihak JKR Malaysia, khususnya dalam penyeliaan di tapak sehingga projek ini dapat disiapkan dengan jayanya.

7. Proses perancangan dan pembinaan khususnya penyeliaan secara bersama ini telah memberikan pengalaman dan pengajaran (*experience and lesson learned*) yang amat berguna yang akan dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek-projek serupa di masa hadapan ke arah pengurusan projek yang lebih baik dari segi kualiti, kos dan masa.

8. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) di mana pihak JKR Malaysia akan terus memantau proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
1 JULAI 2024